



INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Dengan ini mempelawa warga UiTM yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **Koordinator, Unit Francais Antarabangsa (FA)** di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

i. MAKLUMAT PERKHIDMATAN

Bil.	Jawatan	Tempoh Lantikan	Elaun	Kampus
1.	Koordinator, Unit Francais Antarabangsa (FA)	2 tahun *Pelanjutan berdasarkan penilaian prestasi	Ya	UiTM Shah Alam

ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terbuka kepada pensyarah UiTM Gred 52 (Pensyarah Kanan) dan ke atas;
- b) Telah disahkan ke dalam perkhidmatan;
- c) Telah membuat pengisytiharan harta semasa memohon;
- d) Bebas daripada sebarang tempoh hukuman tata tertib universiti dan/atau prosiding tata tertib universiti dan/atau pendakwaan di mahkamah;
- e) Mencapai markah LNPT sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini;
- f) Diperakuan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian/Dekan Fakulti/Rektor UiTM Cawangan) hakiki pensyarah;
- g) Tidak memegang mana-mana jawatan pentadbiran;
- h) Keutamaan kepada calon berpengalaman dalam pengurusan hal ehwal akademik.

iii. SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Melaksanakan hal ehwal akademik pelajar antarabangsa secara menyeluruh bagi menjamin kebijakan dan kemajuan akademik pelajar.
2. Mengurus dan memastikan pengendalian peperiksaan akhir, penilaian berterusan serta proses validasi keputusan berjalan lancar, telus dan memenuhi standard penilaian UiTM bagi semua program francais antarabangsa.
3. Menyelaras proses graduasi dan pelaksanaan sidang konvokesyen di institusi luar negara dengan lancar dan mengikut protokol.
4. Memastikan semua program francais antarabangsa menjalani proses audit validasi dan pengiktirafan untuk menjamin kualiti serta kelulusan pihak berkuasa.
5. Melaksanakan proses latihan dan pembangunan pensyarah rakan kerjasama luar negara bagi memastikan keseragaman dan kualiti penyampaian akademik.

iv. **PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Jawatan Pentadbir Akademik iCEPS berserta ulasan dan sokongan Dekan Fakulti/Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian/Rektor, *Curriculum Vitae* (CV) ringkas dan lengkap yang terkini.

Tarikh tutup permohonan pada: **30 Jun 2025**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

KETUA

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR**

Emel: adminhriceps@uitm.edu.my

No.Tel: 03 5544 8332/ 8336

Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)

Bil. Iklan:4/2025

Tarikh: 17/6/2025